

# **EMANSIPASI DAN PENCERAHAN JIWA MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF TEORI HUMANISME ISLAM: ANALISIS DALAM *WASRIPIN DAN SATINAH***

**(Emancipation and Enlightenment of the Human Soul According to Islamic Humanism Theory: An Analysis of Wasripin dan Satinah)**

*Almahera Abu Hassan*<sup>1</sup>

almaheraabuhassan@gmail.com

*Md Salleh Yaapar*<sup>2</sup>

mdsalleh@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.<sup>1 & 2</sup>

Corresponding Author (*Pengarang koresponden*):<sup>1</sup>

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Almahera Abu Hassan & Md Salleh Yaapar. (2023). Emansipasi dan pencerahan jiwa manusia menurut perspektif teori humanisme Islam: Analisis dalam *Wasripin dan Satinah*. *Malay Literature*, 36(1), 89–116. [http://doi.org/10.37052/ml36\(1\)no5](http://doi.org/10.37052/ml36(1)no5)

Received: Peroleh:	15/1/2023	Revised: Semakan	24/2/2023	Accepted: Terima:	27/2/2023	Published online: Terbit dalam talian:	1/6/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

## **Abstrak**

*Wasripin dan Satinah* ialah sebuah novel yang mencerminkan ketegangan politik rakyat Indonesia sewaktu pemerintahan Orde Baru. Pelbagai pengalaman masyarakat diungkapkan terutamanya tentang masalah kemiskinan dan penafian hak kebebasan bersuara. Dalam novel ini, Kuntowijoyo memaparkan kelemahan sistem pemerintahan yang bertunjangkan ideologi dan pemikiran ekstrim. Jika diamati, Kuntowijoyo tegas mengkritik kelompok tertentu yang mempunyai keinginan untuk mengekalkan dominasi mereka terhadap masyarakat bawahan. Makalah ini memperlihatkan sifat tercela dan kemerosotan moral penguasa politik tanpa mempedulikan penderitaan

rakyat. Pentadbiran mereka telah mewujudkan jurang antara kelas sosial sehingga menimbulkan pertentangan serta rasa tidak puas hati khususnya golongan yang miskin dan tidak berkuasa. Sesungguhnya, *Wasripin dan Satinah* berjaya menampilkan emansipasi dan tanggungjawab sosial terhadap golongan yang tertindas bagi mengatasi penderitaan hidup yang telah ditanggung oleh mereka. Di sini, pengarang berupaya membentuk pencerahan jiwa dan peranan kenabian dalam diri Wasripin dengan menyerlahkan sisi pembaharuan untuk membimbing masyarakat ke arah yang lebih baik. Malah, karya beliau juga jelas mengangkat pendirian dan kebolehan intelektual pengarang yang kritis terhadap isu-isu kemanusiaan. Oleh itu, makalah ini meneliti *Wasripin dan Satinah* dari perspektif humanisme Islam oleh Ali Shari'ati dari Iran yang mempelopori idea-idea pembebasan dan pembaharuan tersebut. Penemuan kajian ini penting kerana dapat menonjolkan kekuatan novel *Wasripin dan Satinah* sebagai novel yang sarat dengan nilai manusawi yang kukuh.

Kata kunci: Emansipasi, humanisme Islam, Orde Baru, pembaharuan, pembebasan, *Wasripin dan Satinah*

### ***Abstract***

*Wasripin dan Satinah is a novel that reflects the political tensions of the Indonesian people during the New Order rule. Various experiences of the society are expressed primarily on issues pertaining to poverty and denial of the right to freedom of expression. In this novel, Kuntowijoyo presents the weaknesses of the government system that is based on ideology and extreme ideas. It may be observed that Kuntowijoyo strongly criticizes certain groups who are interested in dominating the lower strata of society. This paper shows the reprehensible traits and moral decay of political rulers who disregard the suffering of the people. Their governance has created differences between social classes, resulting in opposition and dissatisfaction, especially among the poor and powerless. Indeed, Wasripin dan Satinah has succeeded in presenting the emancipation and social responsibility towards the oppressed as a way to redeem the bitterness of life they had borne. Here, the author is able to shape the enlightened soul and prophetic mission in Wasripin by highlighting the element of reform to guide society towards a better direction. In fact, his work also clearly elevates his critical stance and intellectual abilities on humanitarian issues. Thus, this paper examines Wasripin dan Satinah from the perspective of Islamic humanism by Ali Shari'ati of Iran who pioneered the ideas of liberation and reform. The finding of this study is important because*

*it highlights the strength of Wasripin dan Satinah as a novel that is laden with strong human values.*

*Keywords:* Emancipation, Islamic humanism, New Order, reformation, liberation, Wasripin dan Satinah

## PENDAHULUAN

Kerencaman dunia yang serba moden bukan sekadar membawa kepada kemajuan ilmu dan teknologi pada masa kini. Lebih daripada itu, perkara tersebut berpotensi besar menjadi punca kepada kemerosotan moral yang bermaharajalela dan kejatuhan martabat manusia dalam kehidupan masyarakat. Dari perspektif umat Islam, kebimbangan ini juga merujuk kepada kedangkalan dan kedaifan terhadap tradisi keagamaan yang sewajarnya menjadikan tauhid sebagai suatu paradigma nilai yang dapat membebaskan manusia daripada belenggu dunia. Dalam banyak hal, tauhid hanya dicerap dan diberikan perhatian dalam ritual keagamaan. Malah, lebih menyedihkan apabila golongan yang terpelajar kurang berinteraksi dengan masyarakat massa serta mempunyai perbezaan pandangan antara satu sama lain (Shari'ati, 2002:7). Oleh itu, wujudlah jurang pemikiran yang besar antara kelompok massa dengan golongan intelektual sehingga ke hari ini.

Dalam Islam, tauhid ialah fahaman dan amalan yang mengesakan Tuhan yang satu dengan mengakui bahawa Tuhanlah yang berkuasa dan mengaturkan seluruh alam ini, termasuklah kehidupan manusia. Oleh itu, pemahaman tauhid yang bersandarkan rasa bertuhan jelas memuliakan manusia yang bebas daripada sebarang belenggu kuasa yang lain. Kuasa atau kekuatan lain tidak hanya membawa maksud penyembahan berhala, tetapi juga pengingkaran terhadap Allah Yang Maha Esa. Seharusnya, sikap ambil peduli terhadap kebajikan masyarakat dengan membela golongan yang tertindas, miskin dan terpinggir perlu menjadi dasar terpenting pandangan hidup manusia yang bertauhid. Sehubungan dengan itu, wajarlah manusia sedemikian menolak segala kebejatan dan kenistaan antara sesama manusia sehingga membenamkan rasa tanggungjawab dan keadilan sosial yang telah berakar dalam persekitaran masyarakatnya.

Peranan dan keprihatinan golongan intelektual yang berfungsi seharusnya dipandang sebagai suatu keperluan untuk membangunkan semula masyarakat (Alatas, 2016:20). Oleh itu, salah guna kuasa dan ketidakadilan yang berlaku dalam sejarah peradaban manusia sering

diberikan perhatian oleh orang yang berilmu. Bahkan, hal tersebut turut menggugah rasa fikir dalam diri pengarang sastera. Keupayaan pengarang memahami kesulitan dan realiti masyarakat turut dihidupkan dalam karya mereka. Dalam konteks ini, Kuntowijoyo amat terkesan dengan keadaan rakyat Indonesia yang tertekan, lantas bertindak untuk memperjuangkan emansipasi serta membangunkan pencerahan jiwa manusia melalui karyanya. Oleh itu, kajian ini akan memberikan tumpuan pada novel *Wasripin dan Satinah* oleh Kuntowijoyo yang diterbitkan pada tahun 2003 yang secara sinis mencela serta memperlihatkan ketidakadilan yang berleluasa semasa pemerintahan Orde Baru di Indonesia.

Secara terperinci, pemerhatian akan diberikan terhadap masalah ketidakadilan sosial yang memerlukan emansipasi masyarakat daripada sebarang bentuk kuasa dan pemikiran yang zalim. Pada masa yang sama, analisis ini akan mendedahkan serta menyerlahkan sisi pembaharuan atau pencerahan jiwa manusia sebagai proses yang progresif untuk membaiki kelemahan struktur masyarakatnya. Lantaran itu, dengan berpandukan gagasan humanisme Islam oleh Ali Shariati, analisis akan membawa kepada kupasan yang lebih jelas dan serius terhadap novel *Wasripin dan Satinah* (2003). Oleh itu, dengan tampilan yang nyata dapat mempertemukan suatu titik kesedaran bagi membentuk keterbukaan yang bersifat inklusif serta membangunkan nilai sosial dalam kesusasteraan hari ini.

## TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Novel *Wasripin dan Satinah* (2003) telah mendapat perhatian sebagai karya Kuntowijoyo yang mempamerkan kisah manusia serta permasalahan sosial dalam lingkungan setempat. Bagi Vianney (2008), novel *Wasripin dan Satinah* jelas menggambarkan konflik politik dan dominasi kuasa yang menindas semasa pemerintahan Orde Baru di Indonesia. Dari satu sisi, novel ini dikaji kerana memperlihatkan pihak yang bertikai dan mempunyai ideologi yang berbeza sehingga mewujudkan ketegangan yang berpanjangan antara kuasa yang terbesar dengan golongan yang lemah.

Berikutnya, kajian Retno et al. (2019) telah membincangkan struktur dan nilai pendidikan dalam novel *Wasripin dan Satinah*. Perbincangan ini memfokuskan aspek gaya bahasa, nilai murni dan perwatakan yang relevan bagi memenuhi ciri-ciri bahan pengajaran yang baik dalam institusi pendidikan, khususnya untuk bidang sastera. Umumnya, perbincangan tentang novel ini menjurus kepada pemerhatian struktur tekstual yang berupaya dimanfaatkan dalam teori dan kritikan sastera.

Walau bagaimanapun, novel *Wasripin dan Satinah* lebih menampakkan soal pemihakan dan pendirian moral pengarang kepada permasalahan masyarakatnya yang lemah serta tertindas. Hakikatnya, naratif mengenai kepincangan kehidupan manusia sudah banyak didedahkan secara mendasar oleh pengarang hari ini. Namun begitu, Kuntowijoyo mempunyai keistimewaan sebagai seorang sasterawan, juga seorang intelektual yang mempunyai kebolehan melihat masyarakat secara amat mendalam, sekali gus dapat menimbulkan kesedaran demi sistem sosial yang lebih baik.

Jelas sekali, perbincangan ini akan mengisi kelompongan kajian terhadap karya dan pemikiran Kuntowijoyo yang kurang diperhatikan. Walhal, pendirian beliau boleh disifatkan sebagai mengembalikan pelibatan golongan intelektual yang mampu bersikap bebas serta jujur bagi mengedepankan nilai-nilai kemanusiaan yang lebih utuh dalam wacana sastera.

## **SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Seperti yang dibayangkan, novel *Wasripin dan Satinah* (2003) oleh Kuntowijoyo dari Indonesia akan dianalisis berdasarkan kerangka teori humanisme Islam oleh Ali Shari'ati dari Iran. Analisis ini melibatkan lakaran sikap dan pemikiran yang unggul sehingga mencetuskan perjuangan emansipasi dan pencerahan jiwa manusia. Sehubungan dengan itu, penggunaan teori humanisme Islam terhadap novel *Wasripin dan Satinah* (2003) berfungsi menghuraikan serta menyerlahkan idea pembebasan, yakni agama revolusioner yang berfungsi bagi menjaga hak dan melindungi golongan manusia yang lemah, seterusnya memperlihatkan segala tindak-tanduk dan kebobrokan sistem pemerintahan yang ketara yang menindas rakyatnya. Oleh itu, kefahaman ajaran Islam dan misi kenabian yang diungkapkan melalui kesedaran watak tertentu ditekankan sebagai suatu pembaharuan dalam sesebuah struktur masyarakat.

## **METODOLOGI KAJIAN: TEORI HUMANISME ISLAM ALI SHARI'ATI**

Bagi Shari'ati, pembicaraan dan renungannya terhadap masalah yang berlaku dalam lingkungan masyarakat menarik minat beliau untuk mengusahakan lebih lanjut kewajaran gagasan humanisme Islam. Hal ini demikian kerana, tugas mengangkat martabat manusia sebagai makhluk ciptaan Tuhan merupakan sebahagian daripada etika keagamaan yang penting yang perlu diamalkan oleh umat Islam. Bahkan kerelevanannya wacana tauhid

yang dibahaskan oleh Shari'ati telah menghasilkan suatu pengetahuan mengenai humanisme Islam. Di samping itu, rasa kebertanggungjawaban yang munasabah demi pembangunan masa depan masyarakat Islam yang dimiliki oleh Shari'ati mencerminkan keutuhan sisi intelektualnya. Oleh yang demikian, beliau banyak memberikan tumpuan terhadap perjuangan ilmu bagi memecahkan segala belenggu dan kekeliruan yang berlaku dalam pemikiran umat Islam. Perkara ini diperkuuh melalui kenyataan seperti yang berikut:

*He devoted all of his time to jihad and to struggle, to the propagation of religion, in the hope that he might save this forgotten and unenlightened generation from its confusion and bewilderment. (Shari'ati, 1979b:27)*

Pada hakikatnya, manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang istimewa dan berbeza dengan makhluk lain. Dalam konteks ini, pemaknaan humanisme Islam bertitik tolak daripada persoalan penting, yakni dengan memahami semula tujuan dan falsafah penciptaan manusia. Lantaran itu, hal ini diperakui oleh Shari'ati yang menegaskan bahawa:

*In order to find out how man was interpreted in various religions of the past, or to understand the role of humanism in religions, one should study the philosophy of creation. (Shari'ati, 1981:1)*

Jika diteliti, kenyataan Shari'ati tersebut juga memperlihatkan tafsiran terhadap manusia atau humanisme dalam dimensi keagamaan hendaklah berorientasikan kepada falsafah penciptaan manusia. Sementelahan pula, agama terdahulu telah memenuhi kerelevanan penciptaan manusia yang terawal di muka bumi ini. Oleh itu, dapatlah diketahui bahawa penciptaan Nabi Adam a.s. merupakan lambang kewujudan awal manusia seperti yang disebut dalam al-Quran. Bahkan, hal ini membawa kepada sebuah konotasi jawapan mengenai Tuhan dan agama Islam yang meyakini keunggulan seseorang manusia itu. Bertepatan dengan hal ini, Yadegari menjelaskan perkara seperti yang berikut:

*Analysis of the story of the creation of Adam (the symbol of man) in the Qur'an will provide the answer to man's place in the view of God and, therefore, in the view of our religion. (Yadegari, 1983:81)*

Seperti yang terakam dalam al-Quran, kisah penciptaan Nabi Adam a.s. memperteguh kedudukan serta kemuliaan manusia di sisi Tuhan.

Kisah ini amat simbolik. Penciptaan manusia bermula daripada tanah, iaitu tingkat yang paling rendah. Namun, manusia diangkat darjatnya ke tahap yang terunggul oleh Tuhan, bahkan, tiada tolok banding dengan makhluk lain. Hal inilah yang membawa pengertian humanisme sebenar, iaitu mengiktiraf nilai dan harga diri manusia pada tahap atau kedudukan yang tertinggi (Shari'ati, 1981:4). Dari jurus pandang yang lebih luas, semua manusia di muka bumi ini mempunyai kedudukan yang setara sekali gus menegakkan darjat kemuliaan yang tinggi di sisi Tuhan. Hal ini bermakna, seseorang manusia tidak boleh melakukan sebarang tindak-tanduk yang bersifat nyahkemanusiaan serta menimbulkan pergeseran ke atas manusia lain.

Selain itu, Shari'ati turut mengesyorkan agar setiap individu mengembalikan nilai-nilai kemanusian dalam kehidupan dengan cara yang berhikmah. Nilai kemanusiaan yang ditonjolkan pasti dapat membawa kepada pemahaman keagamaan yang teguh dengan tidak mengabaikan hak serta keadilan individu. Lantas, humanisme Islam membuka ruang kepada pembebasan dan kesempurnaan hidup manusia yang seharusnya memiliki keupayaan untuk menguruskan diri sendiri. Di sini, Shari'ati telah merumuskan perkara seperti yang berikut:

*The aggregate of these generally accepted assumptions may be designated “humanism”, referring to the school that proclaims its essential goal to be the liberation and perfection of man, whom it considers a primary being, and the principles of which are based on response to those basic needs that form the specificity of man.*  
(Shari'ati, 1980:17)

Natijahnya, tujuan manusia diciptakan bukan sekadar untuk mengakui dan mentaati kekuasan Sang Pencipta, tetapi juga menjadi manusia yang bebas serta mempunyai arah tuju yang jelas dan bermatlamat. Malahan, setiap daripada mereka berperanan mempertahankan nilai-nilai kemanusiaan yang universal bagi mewujudkan kesedaran dan tanggungjawab sosial bagi kelangsungan setempat yang lebih harmoni. Selari dengan pandangan Shari'ati di atas, Muzaffar (2002) melalui bukunya *Rights, Religion and Reform: Enhancing Human Dignity through Spiritual and Moral Transformation*, tidak terkecuali menegaskan pendapatnya mengenai tujuan penciptaan manusia, iaitu:

*Once we choose to define the purpose and meaning of life in this manner, we are duty bound to demonstrate our total loyalty to God –*

*over and above everyone and everything else. Loyalty to God would supersede loyalty to self, to family, to relatives, to friends, to class, to community, to nation, to culture, and to religion.* (Muzaffar, 2002:115)

Secara keseluruhannya, aspek penting bagi teori humanisme Islam bermula daripada pemotretan kedudukan manusia yang bebas sehingga kepada peranannya sebagai makhluk yang beramanah di muka bumi ini. Sebenarnya, teori humanisme Islam oleh Shari'ati ini juga didasarkan pada pandangan dunia tauhid (*Tawhid worldview*). Pemaknaan ini sekali gus memaparkan pendekatan baharu yang berkaitan dengan tauhid sehingga membangkitkan suatu refleksi kepada pandangan dunia atau *worldview* yang tidak terbatas terhadap masyarakat secara terbuka. Lantaran itu, pandangan dunia yang diajukan oleh Shari'ati menekankan pandangan keagamaan, yakni menepati prinsip ketuhanan Islam yang bersifat tunggal. Oleh itu, kecenderungan ini menemukan hasrat kemanusiaan sejagat yang menyangkut kesatuan seluruh semesta dan perpaduan umat manusia. Di sini beliau menegaskan bahawa:

*My worldview consists of Tawhid. Tauhid in the sense of oneness of God is of course accepted by all monotheists. But Tawhid as a world view in the sense I intend in my theory means regarding the whole universe as a unity, instead of dividing it into this world and the hereafter, the natural and the supernatural, substance and meaning, spirit and body.* (Shari'ati, 1979b:82)

Umumnya, pengertian tauhid dihayati dan diterima oleh semua monoteisme agama sebagai ajaran yang bersangkutan dengan keimanan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Namun begitu, tauhid menurut teori humanisme Islam mencakupi seluruh alam, yakni sebagai kesatuan yang bukan sekadar membahagikan dunia dan akhirat, alam semesta dan alam ghaib, zat dan makna serta roh dan jasad. Perspektif dunia tauhid ini juga bukan sekadar bertolak kepada hubungan secara langsung dengan Tuhan yang satu, bahkan melibatkan hubungan sesama manusia dan alam sekeliling. Sehubungan dengan itu, pandangan dunia tauhid mengajarkan manusia untuk bebas daripada sebarang perilaku buruk, iaitu bertunjang daripada hawa nafsu dan dominasi sistem feudal yang bermaharajalela. Hal ini turut dinyatakan oleh Shari'ati (1979b), iaitu "...Tawhid sees the world as an empire, shirk as feudal system" (hlm. 82).

Sesungguhnya, pandangan dunia tauhid mempunyai perbezaan yang ketara dengan dunia material yang sifatnya berpaksikan kekuasaan

duniawi semata-mata. Jika diteliti, pengingkaran kepada etika tauhid akan menyebabkan berlakunya percanggahan serta ketidaksatuan antara manusia dengan alam sekelilingnya. Suatu hal yang jelas di sini, kepercayaan dan keimanan kepada Tuhan Yang Maha Esa tidak hanya didasarkan kepada perilaku serta amalan ibadah tetapi Tuhan merupakan lambang pembebasan kepada manusia daripada belenggu kuasa yang lain. Oleh yang demikian, pandangan dunia tauhid bertujuan mendidik manusia untuk taat dan berpegang pada satu kekuatan, iaitu Tuhan Yang Maha Esa. Sekali lagi Shari'ati menegaskan bahawa:

*In the worldview of tauhid, man fears only one power, and is answerable before only one judge. He turns to only one qibla and directs his hopes and desires to only one source. (Shari'ati, 1979b:87)*

Sayogia ditekankan bahawa pandangan dunia tauhid Shari'ati dicirikan oleh dua perkara yang penting, iaitu agama revolusioner (*revolutionary religion*) dan misi kenabian atau misi profetik (*prophetic mission*). Matlamat agama revolusioner atau dikenali sebagai “*din-e-enghelabi*” merujuk kepada sebarang perkara yang bertentangan dengan pegangan agama dan bersifat tidak peduli terhadap sistem sosial yang sedia ada. Malah, agama revolusioner bukanlah menegakkan agama sebagai candu kepada masyarakatnya, tetapi menentang dominasi serta penguasaan terhadap masyarakat yang lemah. Dalam konteks ini, Khanlarzadeh (2020) menjelaskan perkara seperti yang berikut:

*Shari'ati in his speech “Mazhab alayh-e Mazhab” (“Religion vs. Religion”, 1970), defines din-e-enghelabi (revolutionary religion) as a religion that does not stand indifferent towards the existing social order and, instead of being “the opiate to the masses”, destroys domination in society. The revolutionary religion is, in fact, in opposition to the religion of legitimization, which always justifies the status quo. To Shari'ati, even the goals of the prophets monolithic religions do not represent faith so much as the struggle towards the formation of a classless society (utopia). (Khanlarzadeh, 2020:8)*

Sesungguhnya, agama revolusioner yang dikemukakan oleh Shari'ati ini boleh dilihat mencakupi nilai-nilai kemanusiaan tinggi. Dalam erti kata lain, perkara tersebut merungkaikan kebobrokan agama legitimasi yang kabur, iaitu cenderung untuk mempertahankan “*status quo*” golongan atasan. Oleh sebab itu, Shari'ati menegaskan bahawa agama yang bersifat

monolitik dilihat mempunyai ketekalan ke arah pembentukan masyarakat yang tidak ditandai oleh sebarang kelas sosial.

Dari sudut yang lain pula, agama revolusioner merupakan suatu penafian terhadap hegemoni agama di Iran yang merujuk kepada aliran Syiah Hitam (*Safavid Shi'ism*). Sesungguhnya, Shari'ati memberikan kritikan yang tegas terhadap feudalisme dan kapitalisme, yakni sebagai penentangan terhadap kuasa besar yang menindas (Sachedina, 1983:205). Hakikat ini terpancar secara simbolik melalui aliran Syiah Merah (*Alavite Shi'ism*) yang melahirkan idea revolusi tanpa meninggalkan teras Islam yang sebenar dalam tradisi Syiah di Iran. Hal ini bermakna, Shari'ati menggunakan istilah aliran Syiah Merah bagi membezakannya dengan fahaman aliran Syiah Hitam. Memetik kata-kata beliau dalam syarahan yang bertajuk, "*Alavid Shi'ism and Safavid Shi'ism*" pada tahun 1971, iaitu:

*... a revolutionary movement based on Alavite Shi'ism, against foreign domination, internal deceit, the power of feudal lords and large capitalist, arises in arms for the salvation of the enslaved nation and the deprived masses, led by peasants seven hundred years ago, under the banner of justice and the culture of martyrdom.* (Shari'ati, 1979a)

Namun begitu, makalah ini bukanlah bertujuan mengulas panjang sekali gus memberikan perhatian mengenai fahaman aliran Syiah, tetapi hanya untuk memperlihatkan pertautan idealisme dengan ajaran agama Islam yang berpaksikan tauhid. Hal ini demikian kerana, kritikan Shari'ati bukan sekadar bersifat ideologi tetapi menyentuh persoalan perekonomian di Iran serta negara Islam yang lain (Kanaaneh, 2021:49). Lantaran itu, pandangan dunia tauhid yang dikemukakan oleh Shari'ati ini telah menggariskan asas penting, yakni saling berkaitan dengan keagungan Tuhan Yang Maha Esa serta kewajaran kebebasan manusia yang mencakupi keperluan sistem politik dan ekonomi masyarakat.

Dari aspek kaitannya dengan hal ini, wujudnya dua model masyarakat yang diperkenalkan oleh Shari'ati. Pembicaraan mengenai manusia Habil (*Abelian*) dan manusia Qabil (*Cainian*) membuktikan lahirnya dua fahaman ajaran agama yang berbeza dalam diri dua individu tersebut. Secara dasarnya, kisah Habil dan Qabil dalam al-Quran telah diinterpretasikan sebagai sebuah fakta yang simbolik, yakni mengubah semangat persaudaraan dan persamaan menjadi suatu permusuhan dalam sejarah awal kehidupan manusia. Antara lain, kejahatan Qabil menjadi alasan bagi membenarkannya memanipulasi keuntungan dan melakukan

penindasan demi kepentingan diri sendiri. Di samping itu, kebaikan Habil telah mendedahkan kebenaran, keamanan dan ketakwaan manusia kepada Allah SWT (Shari'ati, 1981:18–19). Hasil interpretasi Shari'ati tersebut memperlihatkan bahawa sifat manusia Qabil (*Cainian*) jelas sekali bercanggah dengan idea agama revolusioner dan mampu merosakkan hubungan sesama manusia.

Seterusnya, susuk peribadi Nabi Muhammad SAW juga amat penting. Susuk peribadi baginda bukan sekadar untuk dikagumi dan dicontohi dari segi akhlak malah lebih daripada itu. Misalnya, ketekalan perjuangan Nabi Muhammad SAW menghadapi penindasan dan kekuasaan tirani haruslah diperkuuh dalam diri setiap individu dan masyarakat. Hal ini demikian kerana ketekalan merupakan lambang pencerahan jiwa manusia sekali gus sebagai suatu pembelaan terhadap golongan yang lemah dan teraniaya. Bertepatan dengan hal ini, Shari'ati dalam bukunya *Where Shall We Begin?: Enlightened Thinkers and the Revolutionary Society* menegaskan bahawa:

*Although not a prophet, an enlightened soul should play the role of a prophet for his society. An enlightened soul should preach the call for awareness, freedom and salvation to the deaf and unhearing ears of the people, inflame the fire of new faith in their hearts, and show them the social direction in their stagnant society.* (Shari'ati, 2002:12–13)

Berdasarkan petikan berikut, keterkaitan manusia dengan jiwa merupakan kesinambungan daripada peranan Nabi SAW yang peka akan persekitaran masyarakatnya. Ternyata, penampilan dan peranan manusia yang terserlah bertujuan memupuk kesedaran, kebebasan dan keselamatan terhadap manusia lain, yakni dengan menganjurkan panduan serta keimanan yang baharu kepada setiap lapisan masyarakatnya. Oleh itu, sisi manusia terserlah dalam menyumbang serta mendorong manusia lain mengusahakan semula struktur masyarakat yang mampu merealisasikan masa depan dengan lebih baiknya.

Di sini, letaknya dua aspek yang berbeza tentang peranan Nabi SAW dengan peribadi manusia yang lain. Hal ini bermakna, peranan Nabi SAW tidak hanya menjadi utusan Allah SWT dan menyampaikan risalah kebenaran kepada manusia malahan Nabi SAW bertanggungjawab sebagai pembimbing umat untuk mencapai matlamat kehidupan yang tertentu. Dalam erti kata lain, menjadi satu ketetapan kepada umatnya bagi membetulkan mereka daripada sebarang anasir atau pengaruh luar yang merosakkan sesebuah tamadun manusia di dunia ini. Sesungguhnya,

peranan atau misi kenabian dapat menghidupkan unsur-unsur kebaikan dan mengembalikan maruah manusia yang berserah diri seluruhnya kepada Tuhan Yang Maha Esa. Atas alasan inilah para nabi diutuskan demi mencerahkan umat manusia, yakni golongan massa (*al-nas*) yang diberikan ruang untuk berfikir serta menerima ajaran Islam sekali gus bertanggungjawab atas segala pembangunan dan kejatuhan manusia. Perkara ini turut dinyatakan oleh Shari'ati seperti yang berikut:

*... every religion, every prophet, also constitute the fundamental and effective factor of social change within that school. It is for this reason that we see throughout the Quran address being made to *al-nas*, i.e, the people. The prophet is sent to *al-nas*; he addresses himself to *al-nas*; it is *al-nas* who are accountable for their deeds; *al-nas* are the basic factor in decline - in short, the whole responsibility for society and history is borne by *al-nas*. (Shari'ati, 1979b:48–49)*

## **ANALISIS NOVEL *WASRIPIN DAN SATINAH* MENURUT PERSPEKTIF TEORI HUMANISME ISLAM**

### **Agama Revolucioner: Emansipasi dan Tanggungjawab Sosial Manusia**

Novel *Wasripin dan Satinah* (2003) merupakan sebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang Indonesia, iaitu Kuntowijoyo. Beliau dilahirkan pada tahun 1943 dan telah meninggal dunia sekitar tahun 2005. Sebenarnya, novel *Wasripin dan Satinah* (2003) hanya diterbitkan pada era reformasi sesudah pemerintahan Orde Baru di Indonesia. Namun begitu, novel ini bukan setakat merakamkan apa-apa jua peristiwa yang berlaku sejak tahun 1968 sehingga 1998 namun lebih daripada itu. Novel ini mencerminkan pertelingkahan kuasa antara parti politik. Dalam hal ini, sebagai pengarang Indonesia, Kuntowijoyo pastinya rasional dan berfikiran terbuka membangkitkan persoalan ketidakadilan dalam masyarakatnya. Pemikiran yang dibawanya juga ialah rentetan daripada sejarah yang memaparkan pemerintahan yang mementingkan kedudukan dan kuasa sehingga membentuk timbulnya keadaan kacau-bilau dalam pemikiran dan kehidupan masyarakat bawah.

Latar sejarah di Indonesia telah menyaksikan pelbagai kemelut dan keresahan masyarakat sewaktu pemerintahan Orde Baru yang dipimpin oleh Presiden Suharto selama 32 tahun setelah menggantikan pemerintahan Orde Lama. Pada dasarnya, pemerintahan Orde Baru bukan sekadar perlu berteraskan Perlembagaan 1945 dan kesetiaan terhadap Pancasila, tetapi

sewajarnya melibatkan juga proses demokrasi dan kebebasan awam. Namun begitu, demi mengukuhkan pemerintahan Orde Baru, angkatan tentera telah diberikan autoriti terhadap segala badan perwakilan serta pentadbiran negara (Sievers, 1974:234). Akibat daripada pemerintahan ala tentera tersebut, wujud ketegangan sosial serta etika dalam struktur masyarakat sehingga menimbulkan pergeseran antara hubungan kelompok sosial, ideologi, etnik dan agama di Indonesia. Suatu perkara lagi adalah mengenai kedudukan ekonomi yang dimanipulasikan oleh kuasa pusat, yakni punca terjadinya ketirisan kuasa politik tempatan yang longgar. Secara tidak langsung, hal ini mengakibatkan ketidakadilan dan penindasan secara besar-besaran terhadap rakyat Indonesia.

Dalam novel ini terdapat beberapa unsur seperti parodi atau peniruan serta satira atau sindiran yang tajam terhadap pihak yang berkaitan. Bahkan, nama-nama pihak tertentu serta peristiwa yang hampir sama dan wujud ketika pemerintahan Orde Baru sengaja dinukilkan oleh pengarang. Antaranya termasuklah Partai Randu yang merujuk Partai Beringin Karya, Partai Langit atau sebenarnya Partai Ka'bah, Petrus atau peristiwa penembakan misteri dan Presiden Sadarto merujuk Presiden Republik Indonesia yang kedua ketika itu, iaitu Presiden Suharto (Kuntowijoyo, 2019:18–19). Pada awal novelnya, Kuntowijoyo sudah menyentuh realiti dan kemelaratan hidup masyarakat di Kota Jakarta pada masa itu. Dalam hal ini digambarkan kehidupan Wasripin seperti yang berikut:

Sejak ibunya meninggal ketika Wasripin masih berumur tiga tahun ia dipungut anak oleh emak angkatnya yang berjualan tahu ketoprak, berpindah-pindah tergantung adanya proyek. Kalau proyek sepi, ia berjualan di tepi jalan. Induk semangnya selalu berkata, “Kita sungguh beruntung, jelek-jelek kita punya rumah. Coba, kalau tidak, kita akan tidur di tepi jalan, di bawah jembatan, di emperan toko”. Dan seperti banyak anak lainnya di perkampungan kayu, bambu, dan seng di tepi sungai itu, ia juga tidak tahu siapa ayahnya. (Kuntowijoyo, 2003:3)

Berdasarkan gambaran di atas, Kuntowijoyo memerihalkan kehidupan Wasripin yang dipelihara oleh seorang ibu angkat tanpa dia sendiri mengenal asal usul dirinya. Pemerihalan kehidupan Wasripin bersama-sama ibu angkatnya yang sering berpindah-randah jelas memperlihatkan keadaan mereka yang serba kekurangan sekali gus dipinggirkan oleh pihak pemerintah. Ternyata berlaku penyisihan dan pengabaian pihak pemerintah terhadap ketidaksempurnaan hidup masyarakatnya. Dalam konteks ini, kesusahan yang diwarisi oleh Wasripin dan masyarakat miskin sejak

generasi terdahulu kepada generasi yang lain telah mengakibatkan mereka tidak berupaya melepaskan diri atau keluar daripada kemelaratan tersebut. Bertitik tolak daripada keadaan ini, seorang sarjana sosiologi, Oscar (1963) menyentuh perkara tersebut dengan menyatakan bahawa:

*... the poor person certain features which mark them off from the rest of society are passed on from one generation to another; inhibiting those exposed to them from taking opportunities to escape from poverty.* (Oscar, 1963:3)

Nasib dan keadaan Wasripin tersebut merujuk kepada budaya kemiskinan atau “*culture of poverty*”. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan sedaya upaya untuk mengubah taraf hidup, budaya kemiskinan yang membenggu tetap tidak dapat dihapuskan dengan mudah. Antara lain, Wasripin dan ibu angkatnya bukan hanya bermiaga di jalanan tetapi terpaksa menggadaikan maruah serta harga diri demi memenuhi keperluan isi rumah di kota besar. Keadaan yang mendesak tidak mampu merubah kehidupan mereka bahkan ibu angkatnya telah mengambil kesempatan terhadap Wasripin. Bagi menambahkan sumber pendapat mereka, ibu angkat Wasripin telah mempergunakannya dengan menyediakan perkhidmatan seks kepada golongan wanita di kawasan setempat:

Suatu sore emak angkatnya berkata, “Yu Mijah butuh tenagamu”. Adegan penyekat di dipan pun terjadi. Wasripin menguras tenaganya untuk Yu Mijah. Sementara emak angkatnya dengan enak gantian tidur di dipan Wasripin. Sore yang lain emak angkatnya berkata, “Tumiem butuh tenagamu”. Dan penyekat pun dipasang lagi. Tidak disadarinya, entah berapa perempuan sudah minta tenaganya. (Kuntowijoyo, 2003:4)

Jika diteliti, peristiwa Wasripin melayani dan memuaskan nafsu golongan wanita dalam lingkungannya merupakan suatu ketidakupayaan untuk mengubah realiti kehidupan sehari-hari. Watak ibu angkat Wasripin dan perempuan-perempuan itu pula memperlihatkan penderitaan yang dialami oleh mereka sehingga sanggup melakukan perbuatan terkutuk tersebut untuk mencapai keseronokan. Malahan, kepuasan seks yang dirasai oleh mereka boleh dianggap sebagai alat pelarian, yakni memberikan kelegaan sementara setelah bertarung hidup di kota besar. Dalam jurus pandang yang lebih luas, Kuntowijoyo menyoroti budaya kemiskinan tersebut bagi menunjukkan protesnya terhadap segala penyelewengan dan peminggiran

masyarakat setempat daripada arus pembangunan yang bertamadun. Hal ini demikian kerana pemerintahan yang adil pasti akan memberikan perhatian sekali gus membela nasib mereka agar menjadi lebih baik.

Sehubungan dengan itu, Kuntowijoyo menampilkan pula kesedaran Wasripin yang bertekad untuk melepaskan diri daripada tekanan hidup dan pengalaman pahit sepanjang dibesarkan oleh ibu angkatnya. Wasripin tidak hanya sekadar berserah kepada nasib tetapi sedaya upaya untuk keluar daripada kesusahan hidupnya. Oleh itu, Kuntowijoyo mempamerkan kata-kata yang memberikan makna mendalam seperti yang berikut:

Pada tahun kelima ia merasa harus menghentikan semua kegiatannya membantu para perempuan dengan tenaganya.

“Aku tak mahu mati dengan cara begini,” katanya. (Kuntowijoyo, 2003:5)

Kata-kata Wasripin “Aku tak mahu mati dengan cara begini” jelas menampakkan betapa masyarakat perlu mengubah serta melawan dasar pemerintahan yang kucar-kacir. Kemiskinan dan himpitan hidup yang dialami oleh Wasripin bukti berlakunya penindasan di negara sendiri. Pada hakikatnya, masyarakat tidak sanggup lagi menahan penderitaan dan menginginkan kehidupan yang lebih terjamin sekali gus sejahtera. Hal ini bermakna, Kuntowijoyo turut menyasarkan kritikannya terhadap dasar pemerintahan yang selama ini ghairah mengekalkan kedudukan peribadi berbanding dengan membela nasib anak bangsanya sendiri. Sikap dan tindakan Wasripin memperlihatkan emansipasi dan tanggungjawab sosial seorang manusia yang menepati sifat sebagai khalifah Tuhan. Dalam erti kata lain, cabaran menentang penindasan hendaklah bermula dengan diri sendiri, yakni bertaubat dan bermujahadah daripada belenggu hawa nafsu. Penekanan terhadap hal ini telah dinyatakan oleh Shari’ati seperti yang berikut:

*...in religious world-vision it is believed that men must not depend upon his own will and consciousness to and shape his fate, rather he should negate himself in front of God. (Shari’ati, 1981:16)*

Berkaitan hal ini, Wasripin mengambil keputusan untuk meninggalkan ibu angkatnya dan keluar daripada kehidupan kota yang memudaratkan itu. Bahkan Wasripin bertekad untuk mencari ibu kandungnya yang sebenar di kampung sekali gus kepulangannya di kampung berupaya mengubah dirinya menjadi lebih baik. Setelah sampai di perkampungan tersebut, Wasripin berasa amat mengantuk dan telah tertidur di sebuah

surau. Di surau itulah, Wasripin telah tertidur tanpa sedar selama tiga hari berturut-turut sehingga akhirnya kehadiran dia diterima dengan sepenuh hati oleh imam surau, iaitu Pak Modin. Melalui gambaran naratif ini, Kuntowijoyo memperlihatkan bahawa tiga hari simbolik kepada tiga dekad pemerintahan Orde Baru di Indonesia. Yang jelas, selama tiga dekad rakyat dibungkam untuk melaungkan keadilan sekali gus menguburkan hak kebebasan mereka. Sindiran Kuntowijoyo ini benar-benar menyambut seruan emansipasi manusia dan tanggungjawab sosial, yakni masyarakat Indonesia hendaklah diberikan peluang memilih cara hidupnya sendiri dan berupaya membebaskan diri daripada kongkongan dasar pemerintah yang menyeleweng.

Suatu hal yang lebih menarik, Kuntowijoyo dilihat telah menunjukkan bahawa kehadiran Wasripin di kampung tersebut berupaya mengangkat dan membela nasib mereka. Susuk Wasripin dianggap sebagai seorang nabi yang dapat menuntut keadilan dan menghalang wewenang kuasa terhadap ketakdayaan mereka. Sehubungan dengan itu, Kuntowijoyo memaparkan keterujaan penduduk perkampungan nelayan yang optimis dengan kedatangan serta kehadiran Wasripin di kampung tersebut. Kata mereka:

“Ia bilang orang tua berambut putih.”

“Jangan-jangan jin penunggu surau.”

“Jangan-jangan jin laut.”

“Jangan-jangan Nabi Hidhir.”

“Ya, jangan-jangan Sang Nabi.”

“Pasti. Baunya harum!”

“Kalau begitu, akhirnya Dia mengabulkan doa kita.”

“Tak sudi lagi ada yang sewenang-wenang!”

“Tak sudi lagi dipaksa-paksa!”

“Kita perlu pemimpin!”

“Yang muda!”

“Pemberani!”

Kesimpulan bahwa Nabi Hidhir sudah datang itu disetujui oleh orang banyak. (Kuntowijoyo, 2003:20–21)

Perkara yang ditonjolkan oleh Kuntowijoyo melalui kata-kata penduduk kampung tersebut adalah bertujuan menyelar kredibiliti pemerintah pada masa itu. Hal ini demikian kerana, kewibawaan sistem pemerintahan telah jatuh bahkan tercabar apabila masyarakatnya mengharapkan orang lain sebagai penyelamat hidup mereka. Gambaran ini juga amat berhubung kait dengan kehidupan masyarakat Indonesia terutamanya masyarakat Jawa yang mempercayai akan kedatangan Ratu Adil sebagai penyelamat bangsa. Lee (1977) menyatakan bahawa masyarakat Jawa umumnya percaya kepada, “*The arrival of Ratu Adil, a just king who will bring peace, justice, stability and prosperity to the nation*” (hlm. 163). Dalam konteks ini, masyarakat Indonesia bahawasanya telah mencipta harapan akan wujudnya tokoh bangsa yang mempertahankan keamanan dan kedaulatan tanah air mereka. Walhal, perkara tersebut hanyalah pandangan mitos yang sekian lama membentuk dan membelenggu pemikiran masyarakat Indonesia (Lee, 1977:165). Bagi Kuntowijoyo, reaksi penduduk kampung tersebut membayangkan bahawa orang yang sewajarnya diberi kepercayaan memegang tampuk pemerintahan langsung tidak menampakkan pembelaan terhadap kesusahan mereka. Yang paling penting, kezaliman dan penindasan terhadap manusia lain telah memperlihatkan ketidaktentuan sesebuah kepimpinan itu.

Pada hakikatnya, idea agama revolusioner menghendaki manusia berada di taraf yang mulia dan tertinggi. Kecenderungan Kuntowijoyo memperlihatkan tekad Wasripin untuk meninggalkan segala keburukan dan mengabdikan diri ke arah kebaikan telah menepati konsep pembentukan khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Kesempurnaan dan keikhlasan jiwa Wasripin telah memikat hati penduduk kampung nelayan tersebut sehingga dia disanjung tinggi, sekali gus ditawarkan untuk memimpin kampung mereka. Buktiunya, perkara ini dapat dilihat melalui situasi dan kata-kata Pak Modin kepada Wasripin seperti yang berikut:

“Apa yang terjadi, Pak”?

“Begitulah. Engkau dapat tempat mulia di sini”.

“Terima kasih, tapi...”

“Terima saja.”

“Jangan! Jangan, aku tak mau!”

Wasripin mencoba lari. Tapi beberapa laki-laki menangkapnya. Terjadi tarik menarik. Tentu saja Wasripin kalah. Ia duduk pasrah di emperan surau. Pak Modin mendekatinya, “Mereka semua punya tawaran bagus”, katanya. (Kuntowijoyo, 2003:30)

Gambaran tersebut menunjukkan bahawa seorang manusia yang mulia jelas sekali berupaya memberikan manfaat dan nilai kebaikan kepada orang lain. Jika diteliti, watak Wasripin mendorong dan menghidupkan semangat penduduk kampung tersebut untuk berjiwa bebas, yakni berperanan mengembalikan martabat manusia yang lemah kepada puncak yang teratas. Dengan itu, emansipasi manusia akan menterbalikkan pergantungan serta mengalihkan pandangan terhadap kuasa pusat pemerintahan. Lalu, menimbulkan pertentangan antara elit penguasa yang memerintah dengan golongan manusia yang telah beralih pandangan daripada terus memberikan sokongan kepada kuasa tersebut.

Menyedari hal ini, Kuntowijoyo mengaitkan isu ketenteraman penduduk kampung yang diragut oleh sekumpulan anak muda yang dinamakan sebagai Gerakan Pemuda Liar (GPL). Mereka telah mengancam keselamatan dengan melakukan perkara yang membahayakan penduduk kampung tersebut. Lantas, tindakan masyarakat kampung yang berjaya memastikan tertangkapnya anggota GPL tersebut memenuhi tuntutan perjuangan emansipasi manusia dan tanggungjawab sosial:

“Tentara dan polisi tidak becus!”

“Masyarakat lebih unggul!”

“Hidup rakyat!”

Berita-berita miring tentang aparat itu sampai juga ke telinga pemerintah. Mereka berdalih punya banyak keterbatasan: dana, personil, peralatan, dan banyaknya masalah yang harus diselesaikan. Dan operasi makin lama makin kendur. (Kuntowijoyo, 2003:123–124)

Situasi itu memperlihatkan penduduk di perkampungan nelayan tersebut sudah hilang kepercayaan terhadap anggota tentera dan polis

yang seharusnya menjadi pelindung keselamatan buat mereka. Ancaman daripada GPL tidak diambil perhatian dan akhirnya penduduk desa sesama mereka meleraikan permasalahan yang telah berlaku itu. Laungan “Masyarakat lebih unggul!” dan “Hidup rakyat!” jelas sekali menajamkan kebijaksanaan dan perhatian mereka akan kebebasan diri manusia. Hal ini bermakna, ketidakpuasan hati mereka terhadap sistem pemerintahan tempatan telah menjana semangat emansipasi dan tanggungjawab sosial terhadap kehidupan masyarakat di sekitarnya. Dalam konteks ini, kewujudan krisis nilai dalam diri elit penguasa atau badan pemerintah menyebabkan masyarakat mula terpanggil untuk mencabar kuasa autonomi tersebut. Biasanya, keruntuhan nilai yang berpunca daripada badan pemerintah sendiri akan memberikan impak yang negatif kepada pembangunan masyarakat sekali gus menjadi penyebab utama kepada kelahiran kelompok masyarakat yang tidak berperikemanusiaan. Daripada situasi ini, timbul kesedaran dan keberanian moral segelintir masyarakat yang menzhirkan keupayaan sebagai manusia berjiwa bebas bagi menentang gejala kejahatan yang bermaharajalela dalam institusi masyarakatnya.

Ternyata, insiden tersebut memperlihatkan penyalahgunaan kuasa yang sememangnya berleluasa pada setiap peringkat struktur masyarakat. Pada peringkat ini, golongan elit berpengaruh masih menindas dan menzalimi kelompok masyarakat yang lebih lemah. Kesannya, penduduk kampung tidak berfikiran sempit bahkan menolak untuk memberikan sokongan kepada parti politik setempat khususnya Partai Randu. Hal ini demikian kerana anggota Partai Randu terdiri daripada sebuah badan yang mewakili penguasa tertinggi pemerintah sekali gus tidak pernah mengambil peduli akan kesusahan dan penderitaan penduduk kampung tersebut. Dengan kuasa rakyat yang ada pada mereka, penduduk kampung secara radikal telah mengubah segala kebiasaan dan beralih perhatian kepada Wasripin. Dalam erti kata lain, rasa ketidakpuasan hati kepada Partai Randu berlaku secara terus-menerus dan semakin bercambah dalam setiap jiwa mereka. Hal ini dilakar oleh pengarang seperti yang berikut:

Namun, seperti kata pepatah, “sepandai-pandai tupai melompat sekali akan gagal juga”. Satgas Partai Randu yang bertugas menjaga kelancaran pertunjukan menemukan selebaran-selebaran yang mendiskreditkan partai. Misalnya, “Partai Randu Sarang Korupsi”, “Partai Randu Melindungi Maling Kakap”, “Maling Teriak Maling” dan “Partai Randu Anti Pembangunan”. (Kuntowijoyo, 2003:172)

Pernyataan penduduk kampung seperti “Partai Randu Sarang Korupsi”, “Partai Randu Melindungi Maling Kakap”, “Maling Teriak Maling” dan “Partai Randu Anti Pembangunan” jelas sekali memotretkan kejelekan mereka terhadap Parti Randu sekali gus badan pemerintah. Pada hakikatnya, penduduk kampung sudah cukup mual dan memprotes segala perbuatan buruk mereka. Pemberontakan dan pertentangan penduduk kampung terhadap dasar parti yang menyeleweng serta kelicikan birokrasi mencerminkan tanggungjawab sosial yang tegas. Dampak kemerosotan nilai moral itu bukan sekadar ditolak dan dibenci oleh masyarakat, namun lebih daripada itu. Perkara tersebut turut mengundang tindakan di luar jangkaan bagi melepaskan rasa derita dan memenuhi tuntutan perjuangan sebagai manusia bebas.

### **Misi Kenabian: Pencerahan Jiwa Asas Pembaharuan Masyarakat Setempat**

Umumnya pencerahan jiwa manusia merupakan hasrat murni bagi seseorang individu yang merasakan dirinya mempunyai beban tanggungjawab terhadap masyarakatnya. Hal ini bermakna, individu tersebut peka akan persekitaran sosialnya serta bertekad untuk merungkai segala permasalahan yang dihadapi oleh kelompok masyarakat yang terpinggir (Shari'ati, 2002:10). Pada dasarnya, proses pencerahan jiwa manusia ini bertumpu pada penerapan nilai etika serta nilai kasih sayang sesama manusia tanpa mengira ras dan agama. Pentafsiran ini juga saling berhubung kait dengan usaha secara berterusan dalam idealisme pembaharuan, yakni kelangsungan untuk membaca kerasionalan pemikiran manusia terhadap kehidupan setempat.

Bersangkutan dengan perkara tersebut, Kuntowijoyo meletakkan suatu cara fikir yang menjadi panduan untuk melihat semula keadaan masyarakat setempat dengan mengelaskannya kepada tiga tahap, iaitu tahap mitos, tahap ideologi dan tahap ilmu. Secara ringkasnya, tahap mitos ini merujuk suatu konsep yang tidak terkecuali dengan pengalaman mistis setempat, khususnya yang berkait rapat dengan tokoh kepimpinan masyarakat itu. Tahap mitos ini tidak hanya wujud pada zaman lalu, tetapi juga berlaku pada era baharu ini yang melibatkan sistem kekuasaan (Ahmad Syafi'i, 2019:17). Lantaran kehadiran Wasripin di perkampungan nelayan tersebut telah digambarkan oleh mereka sebagai susuk Nabi Hidhir, yakni simbolik kepada penyelamat hidup manusia. Dalam erti kata lain, Kuntowijoyo berjaya menyorot pemikiran yang dialami oleh masyarakat

di desa akibat menanggung kemelaratan serta kegetiran hidup yang amat dalam. Lalu, muncul pemikiran tersebut sebagai harapan bagi melepaskan segala beban kesengsaraan hidup. Namun begitu, Kuntowijoyo juga telah mempersiapkan manusia yang mempunyai daya pemikiran dan tingkat ilmu yang tinggi dengan mengekalkan adab sopan sekali gus ketertiban manusia tanpa mengambil kira status sosial individu tersebut. Bertitik tolak daripada itu, walaupun Wasripin hanya berkelulusan sekolah dasar, namun Wasripin mempunyai kesedaran untuk memperbaik diri dengan ilmu. Malahan, Wasripin berupaya memberikan harapan dan kebaikan kepada manusia lain:

Tidak usah diceritakan bahwa Danramil sembuh, setelah berobat ke Wasripin sekali saja. Tapi akibatnya Danramil sangat malu dengan diri sendiri. Ternyata Wasripin sangat jauh dari gambarannya. Semua gambarannya mengenai Wasripin ialah garang, tinggi hati dan mata duitan. Ternyata dia ramah, rendah hati mendekati rendah diri, ikhlas, dan menyiratkan wajah yang bersih. Ia malu dengan diri sendiri, mengajukan surat pindah. (Kuntowijoyo, 2003:98)

Peribadi dan keistimewaan diri Wasripin yang terpancar telah memperbetul hati manusia untuk mempunyai kesedaran kemanusiaan yang bermaruah. Sangkaan negatif Danramil telah ditutupi oleh akhlak Wasripin yang rendah hati dan ikhlas sekali gus mengajak manusia menuju kepada sifat-sifat yang indah, yakni membentuk ciri-ciri insan al-Kamil. Inilah sisi pembaharuan yang perlu diberikan perhatian bagi mengubah mitos yang telah membenggu masyarakat secara umumnya. Dari jurus pandang yang lebih luas, Wasripin mempunyai kesedaran tauhid melalui pemerolehan ilmu dan hubungannya sesama manusia lain. Signifikannya, perubahan diri dan pemberian sikap yang dialami oleh Wasripin dapat menjadi kayu ukur kepada pencerahan jiwa dalam diri manusia lain dalam kehidupan masyarakatnya.

Dari sudut yang lain pula, dasar pemerintahan yang menekan dan menindas rakyat membolehkan pemerintah memajukan dan menyempurnakan penguasaannya. Hal ini memunculkan Presiden Sadarto yang berkuasa mutlak sehingga segala tindak-tanduknya tidak dapat lagi disanggah oleh masyarakatnya. Oleh yang demikian, Kuntowijoyo melihat ketegangan tersebut dengan memaparkan refleksi rasa tidak puas hati dan tempelakan masyarakat terhadap sikap Presiden tersebut:

Pers dan kampus tidak kurang akal. Mengecam terang-terangan dilarang, mereka lalu memuji terang-terangan. Seminar bertema, “Surat Sakti, Hak prerogatif”, “Sesuai UUD ’45: Surat Sakti, Membubarkan Parlemen, Memberi Grasi”, dan “Surat Sakti versus Mafia Pengadilan”. Mereka sudah betul-betul berhenti menghujat, sebaliknya malah memuji-muji. Tetapi, orang tahu bahwa mengecam menimbulkan kebencian, memuji menimbulkan sinisme masyarakat. Mendapat laporan tentang maraknya puji-pujian pers dan kampus serta sinisme masyarakat, Menteri Penerangan dan Menteri Perguruan Tinggi hanya bisa pusing kepala. Ternyata jadi pesuruh itu sulit, meskipun pesuruh itu bernama menteri, “Salah lagi!”. (Kuntowijoyo, 2003:151)

Kata-kata yang membidas segala tindak-tanduk kaum pemerintah tersebut merupakan suatu kritik masyarakat terhadap cara pemikiran serta kepimpinan badan pemerintahan tempatan. Hal tersebut selari dengan idea kebebasan berfikir atau *“Intellectual Freedom”* seperti yang pernah diajukan oleh Nurcholish:

Di antara kebebasan perseorangan, kebebasan berpikir dan menyatakan pendapatlah yang paling berharga. Seharusnya kita mempunyai kemantapan kepercayaan bahwa semua bentuk pikiran dan ide, betapapun aneh kedengarannya di telinga, haruslah mendapatkan jalan untuk dinyatakan. (Nurcholish, 1987:208–209).

Pada dasarnya, Kuntowijoyo menyarankan dalam karyanya agar masyarakat tidak lagi menurut secara membuta tuli dan melepaskan diri daripada sentimen ideologi bagi mencapai pembaharuan yang mulia ketika hayat mereka (Ahmad Syafi'i, 2019:18). Tambahan lagi, peranan massa dan golongan intelektual sebagai jurucakap yang mewakili masyarakat dapat menzahirkan segala keraguan terhadap kepimpinan yang bobrok. Begitulah pelibatan massa dan golongan intelektual dalam usaha memahami realiti sosial mampu memberikan ruang kepada kebangkitan serta perubahan struktur sosial masyarakat yang lebih baik. Khusus tentang gerakan pembaharuan, lewat kurun ke-19 memperlihatkan masyarakat Melayu-Indonesia yang beragama Islam banyak berhijrah ke tanah suci Mekah serta menuntut ilmu di Kaherah, Mesir. Oleh itu, wujudlah golongan yang terpelajar dengan membawa pemikiran Muhammad Abdur atau dikenali sebagai “Kaum Muda”. Mereka turut digelar sebagai golongan “gerakan reformasi” atau *“reformation movement”* (Peacock, 1978:23).

Sehubungan dengan itu, dalam hal ini didapati bahawa pada masa itu wujud dua golongan yang berbeza. Pertama, golongan yang masih terikat dengan tradisi lama dan menolak sebarang perubahan, manakala golongan kedua pula terdiri daripada kelompok terpelajar yang menggelarkan diri mereka sebagai “Kaum Muda”. Bahkan, mengulas lebih rinci mengenai perkara ini, Yudi dalam bukunya *Indonesian Muslim: Intelligentsia and Power* menyatakan:

*The primary aim of these associations was to promote Muslim/native welfare, education, and solidarity by using Islamic identity as a social glue and promoting correct Islamic teaching and practice as a guidance for life.* (Yudi, 2008:109)

Berkaitan dengan hal ini, dalam konteks sastera Kuntowijoyo bertindak memurnikan semula pemikiran masyarakat setempat agar mengamalkan konsep ajaran Islam yang sebenar. Antara lain, menolak pengamalan syirik, bidaah dan khurafat yang selama ini masih tertanam dalam budaya masyarakat Islam, khususnya di Indonesia. Dalam novel ini, Ketua Departmen Khusus Partai Randu digambarkan menggunakan khidmat dukun untuk merealisasikan niat tidak baik mereka:

“Maaf, Pak. Saya tidak bisa menolong. Saya sudah membuang ilmu saya. Saya mau mati sempurna. Sebaik-baik orang ialah yang paling bermanfaat bagi orang lain, kata nabi. Selama ini saya sudah salah jalan. Karenanya....”

Dukun tidak meneruskan kata-katanya, karena seperti tidak mendengarkan, terus pamit.

“Mau bilang tidak becus saja kok berputar-putar.”

Tidak disanggupi satu dukun, ia pergi ke dukun lain. Jawabannya sama.

“Wah, Pak. Ternyata saya sesat. Mumpung masih ada umur, saya mau bertobat. Jadi maaf saya tidak bisa menolong Bapak.”

Ke dukun lain lagi, juga sama.

“Saya sekarang baru sadar. Kalau mengirim paku ke perut orang itu pekerjaan hina-dina.”. (Kuntowijoyo, 2003:216)

Tindakan Partai Randu memperlihatkan ketaksuban masyarakat pada sesuatu perkara yang jelas telah membelaikan Tuhan Yang Maha Esa. Keadaan ini terjadi kerana berlakunya jurang dan kelompangan ilmu yang kurang mendapat perhatian dalam masyarakat khususnya di desa. Namun begitu, Kuntowijoyo menerapkan kesedaran dengan menampilkan watak-watak dukun yang satu per satu telah mempunyai kesedaran dan ingin bertaubat. Hal ini dapat dianalogikan sebagai pesan seseorang yang tercerah jiwanya kepada semua masyarakat Islam, iaitu agar gejala kenaifan ini segera dibanteras dan dikikis daripada terus membelenggu pemikiran yang mundur. Maka, dengan berbekalkan konsep tauhid dan misi kenabian perkara itu diharapkan berupaya membimbang semula masyarakat daripada amalan agama yang tidak munasabah.

Sewaktu Orde Baru memuncak, agama Islam telah memberikan tantangan yang hebat sehingga mewujudkan ketegangan antara masyarakat dengan elit pemerintah. Keadilan yang seharusnya menjadi dasar dalam agama Islam turut dianggap sebagai perkara yang bertentangan dengan ideologi mereka. Berikutan itu, salah faham soal keagamaan telah membangkitkan fahaman dan sikap Islamofobia, yakni sebuah strategi pemerintahan yang memperalatkan kelompok ekstremis agama bagi menutup segala kebejatan moral yang dilakukan ke atas masyarakatnya (Wan Anwar, 2007:103). Dalam konteks ini, Wasripin telah dituduh dan dihukum tembak sehingga mati kerana berniat untuk mendirikan negara Islam dengan kekerasan:

Pagi TVRI dan Koran-koran memberitakan bahwa Wasripin mati ditembak tentara waktu berusaha merebut senjata. Mayatnya dikuburkan di suatu tempat yang dirahasiakan karena dapat menimbulkan syirik. Kemudian juga dikatakan bahawa dia Komandan DI/TII Pantura, anti-Pancasila, dan ingin mendirikan Negara Islam dengan kekuatan senjata. (Kuntowijoyo, 2003:231)

Pergeseran pemahaman Islam tersebut menimbulkan rasa prejudis serta curiga oleh badan pemerintah terhadap golongan yang membawa Islam sebagai perjuangan hak mereka. Perasaan anti-Islam terus berleluasa sehingga menyebabkan golongan agama turut dituding bersama membenarkan atau melakukan kemungkaran dan kemosyrikan tersebut. Hal ini turut memberikan impak lebih ekstrem kepada Pak Modin, iaitu imam surau yang banyak mengajar Wasripin tentang hal ehwal ibadah. Beliau telah ditangkap dan juga dibebaskan oleh tentera dalam keadaan yang amat menghibakan:

Sebuah jip hijau berhenti. Tiga orang tentara turun. Mereka memapah seseorang berpiyama yang lusuh, lalu menaruh orang tua itu di tepi jalan. Sepotong bambu sepanjang dua meter dilemparkan. Jip itu pergi. Orang tua merangkak memungut bambu itu. Orang tua yang ternyata bongkok itu berjalan mondar-mandir, bertumpu tongkat bambu. Banyak orang lewat, tetapi tak memperhatikan. Seorang lewat dengan sepeda motor. Orang itu berhenti.

“Pak Modin! Pak Modin!”

Orang tua itu diam saja, menatap dengan kosong. Orang tua itu mengulurkan tangan.

“Kenalkan saya Mister Mudin, Presiden NII.”

“Bukan. Tapi Pak Modin, imam surau TPI.”

“Saya berani sumpah. Pengangkatan sudah saya tanda tangani. Disaksikan dua kopral, bersenjata lengkap.” (Kuntowijoyo, 2003:254–255)

Petikan berkenaan menunjukkan bahawa adanya unsur paksaan dan pemerasan terhadap Pak Modin bagi mengakui segala agenda serong pemerintah tersebut. Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa, situasi ini memaparkan kelemahan umat Islam khususnya pada peringkat atasan kerana masih kurang jelas mengenai tanggungjawab sosial dan keadilan ini. Kuntowijoyo secara sinis menonjolkan ideologi keadilan Islam yang bertujuan mematahkan strategi Islamofobia tersebut. Namun demikian, keadilan Islam ini turut membawa suatu keyakinan dan pencerahan jiwa manusia bagi membantu masyarakat menghapuskan atau mengusir segala penjajahan minda yang jelas melampaui batas kemanusiaan.

## KESIMPULAN

Fungsi kesedaran intelektual amat penting bagi meneruskan usaha emansipasi dan pencerahan jiwa manusia. Perkara ini sukar berlaku dalam era Orde Baru di Indonesia. Hal ini demikian kerana kekerasan merupakan asas kepada pembentukan rejim tersebut. Kekeliruan amalan keagamaan, khususnya agama Islam, dan sifat eksklusif badan yang berautoriti telah mematikan prinsip Pancasila serta budaya demokrasi yang konon diperjuangkan oleh mereka. Situasi ini telah mengajarkan sesuatu kepada Kuntowijoyo

sebagai intelektual yang ingin berfungsi kepada masyarakatnya. Jadi tidak hairanlah, Kuntowijoyo mengambil masa beberapa tahun setelah kejatuhan Orde Baru tersebut untuk menerbitkan novel *Wasripin dan Satinah* ini. Pada masa yang sama, keadaan ini membuka ruang fikiran Kuntowijoyo mengenai pasti permasalahan masyarakatnya dengan mengemukakan kritikan terhadap keadaan dalam lingkungannya pada ketika itu. Sekali gus, sebagai pengarang, Kuntowijoyo mendapat penyelesaian serta jalan keluar yang terbaik untuk kepentingan masyarakatnya.

Begitu juga dengan teori humanisme Islam oleh Shari'ati. Sememangnya teori ini menepati pokok persoalan dan latar tempat serta masa novel *Wasripin dan Satinah*. Kesedaran tauhid terutamanya menjadikan Wasripin sebagai manusia yang lebih mulia dan membawa kepada pemaknaan pembebasan diri dan juga bebas daripada belenggu kuasa yang lain. Seterusnya agama revolusioner pula dapat dirujuk sebagai paradigma manusia untuk bersifat lebih taat dan setia terhadap Tuhan Yang Maha Esa, yakni dengan menolak segala ideologi palsu yang membayangi hidup manusia. Antara lain, wujudnya dua golongan seperti yang dikemukakan oleh Shari'ati, yakni golongan penindas dan ditindas. Walaupun kedua-duanya mengakui keesaan Tuhan, tetapi jelas memperlihatkan sistem pemerintahan pada ketika itu benar-benar menekan kehidupan masyarakatnya. Pada masa yang sama, misi kenabian juga telah menyerlahkan sisi kepedulian dan pencerahan jiwa manusia seperti Wasripin. Oleh itu, segala manipulasi serta diskriminasi yang telah dicetuskan oleh rejim politik Orde Baru sedaya upaya ditolak bagi mengubah pegangan masyarakat ke arah ajaran agama Islam yang lebih jitu.

Selain ciri-ciri tersebut, naratif dan pengolahan bahasa Kuntowijoyo dilihat berupaya menyorot idea pemikiran beliau yang tajam serta berkesan. Kebijaksanaan Kuntowijoyo mengkritik dan mengetengahkan isu-isu persekitarannya seperti budaya kemiskinan, krisis nilai, serta kebobrokan badan pemerintah, telah berjaya ditemukan dalam novel ini. Demikianlah, penilaian ini telah menampilkan gagasan pengarang yang jelas membawa kepada pembebasan dan pembaharuan demi kebaikan pada setiap lapisan struktur masyarakatnya. Bertepatan dengan itu, novel *Wasripin dan Satinah* jelas memancarkan intelektualisme Kuntowijoyo yang membumi kerana mampu menawarkan nilai-nilai manusawi dalam kehidupan masyarakat. Hal ini mencakupi kesedaran sosial untuk membangunkan kembali kegemilangan umat manusia yang bebas serta tercerah, khususnya di Indonesia.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

## RUJUKAN

- Ahmad Syafi'i Maarif. (2019). *Muslim tanpa mitos: Dunia Kuntowijoyo*. Immortal Publishing and Octopus.
- Alatas, Syed Hussein. (2016). *Intelektual masyarakat membangun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanaaneh, A. (2021). Ali Shari'ati: Islamizing socialism and socializing Islam. *Left History: An Interdisciplinary Journal of Historical Inquiry and Debate*, 24(1), 45–64.
- Khanlarzadeh, M. (2020). Theology of revolution: In Ali Shari'ati and Walter Benjamin's political thought. *Religions*, 11, 1–22.
- Kuntowijoyo. (2003). *Wasripin dan Satinah*. Penerbit Buku Kompas.
- Kuntowijoyo. (2017). *Petani, priayi, dan mitos politik: Esei-esei sejarah*. Labirin dan Mata Bangsa.
- Kuntowijoyo. (2019). *Maklumat sastra profetik*. Diva Press.
- Lee Khoon Choy. (1977). *Indonesia between myth and reality*. Federal Publication (S) Pte. Ltd.
- Muzaffar, C. (2002). *Rights, religion and reform: Enhancing human dignity through spiritual and moral transformation*. Routledge Curzon.
- Nurcholish Madjid. (1987). *Islam kemodenan dan keindonesiaan*. Penerbitan Mizan.
- Oscar, L. (1963). *Children of Sanchez*. Random House.
- Peacock, L. J. (1978). *Purifying the faith: The Muhammadijah movement in Indonesian Islam*. The Benjamin/Cummings Publishing Company.
- Retno Suprihatiningsih, Herman J Waluyo & Slamet Mulyono. (2019). Novel *Wasripin dan Satinah* karya Kuntowijoyo: Analisis struktur dan nilai pendidikan karakter. *BASASTERA Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 7(2), 129–138.
- Sachedina, A. A. (1983). Ali Shari'ati: Ideologue of the Iranian revolution. In John L. Esposito (Ed.), *Voices of Resurgent Islam*, Vol. 10 (pp. 205–211). Oxford University Press.
- Shari'ati, A. (1979a). *Red shiism*. (Habib Shirazi, terjemahan). The Shariati Foundation and Hamdani Publisher.
- Shari'ati, A. (1979b). *On the sociology of Islam*. (Hamid Algar, terjemahan). Mizan Press.
- Shari'ati, A. (1980). *Reflections of humanity: Two views of civilization and plight of man*. Free Islamic Literatures Inc.

- Shari'ati, A. (1981). *Man and Islam* (Fatollah Marjani, terjemahan). Free Islamic Literatures. Inc.
- Shari'ati, A. (2002). *Where shall we begin: Englightened thinkers and the revolutionary society*. Citizens International.
- Sievers, M. A. (1974). *The mystical world of Indonesia: Culture and economic development in conflict*. The John Hopkins University Press.
- Vianney Raditawati. (2008). *Konflik politik pada masa Orde Baru dalam novel Wasripin dan Satinah karya Kuntowijoyo tinjauan sosiologi sastra* [Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan]. Fakultas Sastra. Universitas Sanarta Dharma.
- Wan Anwar. (2007). *Kuntowijoyo: Karya dan dunianya*. PT Grasindo.
- Yadegari, M. (1983). *Ideological revolution in the Muslim world*. IGPS.
- Yudi Latif. (2008). *Indonesian Muslim: Intelligentsia and power*. ISEAS Publishing.